



28 Julai 2020
28 July 2020
P.U. (A) 221

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 7) (PINDAAN) (NO. 3) 2020

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 7) (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN)
(NO. 7) (PINDAAN) (NO. 3) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 7) (Pindaan) (No. 3) 2020**.

Pindaan peraturan 8

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 7) 2020 [*P.U. (A) 181/2020*] dipinda dengan menggantikan peraturan 8 dengan peraturan yang berikut:

“Kehendak untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia

8. (1) Pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan mana-mana warganegara, pemastautin tetap Malaysia, ekspatriat atau kor diplomatik, atau mana-mana orang asing lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen, yang memasuki Malaysia dari luar negara untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia di mana-mana pintu masuk sebelum mendapatkan pelepasan imigresen, atau di mana-mana tempat lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mematuhi apa-apa arahan seseorang pegawai diberi kuasa.

(3) Jika mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) diarahkan untuk menjalani kuarantin di rumah, orang itu hendaklah memakai gelang tangan yang disediakan oleh pegawai diberi kuasa.”.

Dibuat 28 Julai 2020
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEASURES WITHIN
INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 7) (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 7) (Amendment) (No. 3) Regulations 2020**.

Amendment of regulation 8

2. The Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 7) Regulations 2020 [*P.U. (A) 181/2020*] are amended by substituting for regulation 8 the following regulation:

“Requirement to undergo health examination upon arrival in Malaysia

8. (1) An authorized officer may direct any citizen, permanent resident of Malaysia, expatriate or diplomatic corps, or any other foreigner permitted by the Director General of Immigration, entering Malaysia from overseas to undergo health examination upon arrival in Malaysia at any point of entry before proceeding for immigration clearance, or at any other place determined by the Director General.

(2) Any person referred to in subregulation (1) shall comply with any direction of an authorized officer.

(3) Where any person referred to in subregulation (1) is directed to undergo home quarantine, the person shall wear a wristband provided by the authorized officer.”.

Made 28 July 2020
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Minister of Health